

# Semakan semula SOP tepat

## Pakar mahukan kelonggaran berpandu empat petunjuk utama

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Semakan semula prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pencegahan wabak COVID-19 adalah tepat pada masanya, bersandarkan sekurang-kurangnya empat petunjuk utama.

Ia membabitkan liputan suntikan vaksin primer, pemberian dos penggalak, kadar jangkitan mengikut minggu epidemiologi dan analisis risiko ancaman varian baharu.

Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman, ketika menyuarakan keyakinan terhadap langkah kerajaan, berkata penelitian terhadap perkembangan kadar jangkitan COVID-19 di Malaysia sekitar lima hingga enam minggu lalu berada dalam keadaan amat terkawal.

Beliau berkata, jangkitan me-

ngikut minggu epidemiologi merekodkan pola penyusutan dan konsisten, sekali gus tidak memberi sebarang petunjuk membimbangkan yang dikaitkan dengan ancaman varian baharu seperti Omicron serta beberapa sub variannya.

“Maka, amat tepat pada masanya untuk kita pertimbangkan kelonggaran SOP, termasuk berkaitan pemakaian pelitup muka, mengikut persekitaran tertentu.

“Contohnya, ketika majlis keramaian, sebelum ini kita hanya dibenarkan buka pelitup muka ketika makan, tetapi apabila nak bergambar, perlu pakai semula, justeru ini boleh diberi kelonggaran.

“Kelonggaran sama boleh diperuntukkan untuk persekitaran bilik darjah, tanpa risiko penularan jangkitan kerana aspek pengaliran udara yang baik,” katanya kepada *BH*, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kelmarin, dilaporkan berkata kerajaan akan mengumumkan kelonggaran tiga SOP utama yang diguna pakai sejak negara dilanda pan-

demik COVID-19, dalam tempoh terdekat.

Ia membabitkan SOP berhubung pemakaian pelitup muka di tempat awam, mengimbas kod QR MySejahtera dan keperluan menjalani ujian saringan pantas (RTK) antigen di lapangan terbang.



Dr Malina Osman

Pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, yang menyuarakan nada sama berkata pemakaian pelitup muka sepatutnya dianggap sebagai tanggungjawab sendiri, berikutan keputusan kerajaan melangkah ke fasa peralihan endemik.

“Pelitup muka ini sebenarnya dipakai orang yang kurang sihat, demi mencegah penularan jangkitan kepada individu lain, justeru mekanisme sebegini perlu dijadikan sandaran.

“Maksudnya, apabila kita tidak sihat, walaupun ada sedikit gejala seperti selesema, batuk atau sengal badan, pelitup muka perlu dipakai untuk mengelak daripada menyebarkan risiko penyakit, selain buat saringan sendiri.

“Ini sudah lama diterapkan di

negara luar seperti Jepun apabila pelitup muka dijadikan ‘perisai’ bukan kepada diri mereka sendiri, tetapi untuk manfaat orang lain.

“Kesedaran sivik sebegini penting kerana kita bukan sekadar berdepan pandemik COVID-19, tetapi jangkitan salur pernafasan lain seperti rhinovirus, adenovirus, influenza dan respiratory syncytial virus (RSV) yang lazimnya menyerang kanak-kanak,” katanya.

Pakar perubatan kesihatan awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, pula mencadangkan pemakaian pelitup muka dijadikan pilihan, dengan peruntukan kuasa diturunkan kepada pemilik premis dan penganjur majlis.

Beliau berkata, autonomi pemakaian pelitup muka yang diserahkan kepada masyarakat antara lain perlu bersandarkan penelitian aspek tertentu seperti sama ada membabitkan persekitaran sesak, tertutup atau dihidari golongan berisiko seperti warga emas.

“Tetapi, langkah ini perlu mendapat sokongan atau mempunyai asas perundangan supaya orang ramai yang ingin memasuki premis atau menghadiri majlis berkaitan tidak mempertikaikan sebarang keputusan,” katanya.